


PENANG 2030

# BULETIN MUTIARA

16 - 31 MAC, 2023

PERCUMA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# MASJID KAPITAN KELING

## tingkat peranan dekati masyarakat



Masjid Kapitan Keling yang tersergam indah dan terus memacu syiar Islam di Pulau Pinang.

**MASJID** Kapitan Keling merupakan antara monumen sejarah dan warisan ketara yang terkenal di Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town.

Berusia 222 tahun, bangunan yang terus dipulihara dan dipelihara oleh pelbagai agensi berwajib itu turut menjadi simbol peninggian syiar Islam di negeri Pulau Pinang.

Baru-baru ini, pihak pengurusan Masjid Kapitan Keling diiktiraf menerusi Anugerah Warisan 100 Tahun George Town.

Kesempatan itu diambil oleh penulis Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** dan jurugambar, **DARWINA MOHD. DAUD** meluangkan masa menemu bual Setiausaha Pengurusan Masjid Kapitan Keling, **MOHAMED RIZWAN ABDUL GHAFOOR KHAN** bagi mencungkil lebih lanjut keunikan monumen berkenaan.

Menurut Mohamed Rizwan, Masjid Kapitan Keling diasaskan pada tahun 1801 Masihi oleh Allahyarham Abdul Kadir Mohideen Merican atau dikenali Cauder Mohideen iaitu seorang pedagang dari negara India ke Tanah Melayu.

"Beliau (Cauder) secara tidak langsung juga memberi sumbangan kepada pembangunan sosioekonomi di Pulau Pinang kerana banyak berdagang ketika empayar British berada di Pulau Pinang.

"Perdagangan beliau meliputi Lautan Hindi, maka salah satu kemajuan Pulau Pinang pada era tersebut adalah melibatkan belia India Muslim melalui pembinaan masjid ini yang juga bertujuan membangunkan syiar Islam.

*(Sambungan di muka 2).*




**MOHAMED Rizwan Abdul Ghafoor Khan menunjukkan sijil dan plak Anugerah Warisan 100 Tahun yang diterima baru-baru ini.**



**MENARA Masjid Kapitan Keling antara seni bina yang sering menjadi tumpuan para pelancong untuk bergambar kenang-kenangan.**

(Sambungan dari muka 1).

# Pentadbiran selaras perkembangan teknologi semasa

"Selain itu, Masjid Kapitan Keling pada ketika itu turut memainkan peranan sebagai tempat timbang tara, pertemuan komuniti, mesyuarat pelbagai badan yang wujud pada abad tersebut serta urusan surat-menyurat dan komunikasi," ujarnya.

Mengulas lanjut, Mohamed Rizwan menyatakan bahawa pada era kemodenan, fungsi Masjid Kapitan Keling mengalami sedikit perubahan apabila membangunkan tanah-tanah wakaf sekitar masjid.

"Jadi, apabila wujudnya tanah wakaf, secara tidak langsung syiar Islam diperluaskan dan kawasan ini menjadi tempat tinggal serta lokasi perniagaan.

"Untuk pentadbiran pula, kita sedaya upaya mengikut perkembangan teknologi semasa agar dapat mentadbir masjid bersejarah ini dengan cemerlang," katanya yang turut bekerjasama dengan *Islamic Propagation Society International* (IPSI) dalam menjalankan urusan dakwah.

## Dakwah

Matlamat asal pembinaan Masjid Kapitan Keling, menurut Mohamed Rizwan antara lain adalah sebagai aktiviti dakwah memandangkan generasi pada ketika itu berpendapat bahawa untuk berdakwah memerlukan rumah ibadat yang sempurna.

"Maka, dakwah telah menjadi satu komponen utama, bantuan turut disalurkan merentasi kaum sesuai dengan komposisi masyarakat sekitar George Town.

"Serentak itu, kerja-kerja dakwah juga dibantu oleh IPSI melalui penerangan kepada para pelancong mengenai keindahan Islam," ulasnya lanjut.

## Seni bina

Sekiranya diamati, Mohamed Rizwan memaklumkan bahawa Masjid Kapitan Keling telah mendapat sentuhan seni bina orang Mongol dalam pembinaan masjid pada era tersebut.

Maka, menurut beliau, tidak hairanlah sekiranya seni bina hampir sama dapat dilihat di masjid-masjid era sama seperti Masjid Baiturrahman di Aceh, Indonesia dan Masjid Zahir di Alor Setar, Kedah.

"Pada fasa kedua pula, masjid ini turut menerima sentuhan seni bina Cina, ini boleh dilihat berdasarkan ukiran duit syiling yang sinonim dengan masyarakat Cina.

"Kerawang-kerawang yang terdapat di sini pula adalah sentuhan daripada bangsa India, jadi dari sini kita dapat lihat seni bina masjid ini menerima sentuhan membabitkan semua kaum.

"Tidak terkecuali adalah ukiran bunga tulip di dinding masjid iaitu simbol kepada pengaruh daripada Imam Hanafi yang mana ulama-ulama aliran tersebut pernah datang ke sini," maklumnya.

## Cabaran

Salah satu cabaran masa kini, kata Mohamed Rizwan adalah dalam usaha membawa generasi muda mendekati masjid.

"Di sini, tidak ramai penduduk tetap, majoritinya adalah kedai-kedai komersial, justeru kita wujudkan tadika kelas-kelas mengaji untuk tarik golongan muda bermula usia kanak-kanak yang boleh mendapatkan pendidikan tadika di sini.

"Macam bulan puasa, kita adakan pengisian qiamullail untuk kanak-kanak, remaja, bagi hadiah, makanan dan solat di masjid, ibu bapa juga boleh turut serta," jelasnya yang turut berdepan cabaran pentadbiran serta pengurusan.

Mengulas lanjut, beliau turut berkongsi bahawa menjaga bangunan berstatus warisan bukan suatu perkara yang mudah kerana perlu mengikut garis panduan UNESCO.

"Terbaru, kita anggarkan masjid ini memerlukan RM300,000 untuk membaiki bumbung bocor, GTWHI *(George Town World Heritage Incorporated)* ada menghantar konsultan untuk tengok.

"Setakat kerja-kerja bajet kecil memang kita buat sendiri, namun kita harap Kerajaan Negeri dapat bantu dalam meringankan beban, contohnya masalah bumbung, 30 minit hujan memang akan tiris ke dewan solat," ulasnya.

## Harapan

Bercakap mengenai harapan, Mohamed Rizwan berkata bahawa beliau berharap pembangunan prasarana pada masa hadapan akan meningkatkan fungsi masjid dalam mendekati segenap lapisan masyarakat.

"Kawasan sekitar akan dibangunkan bangunan dua tingkat merangkumi perpustakaan Islam digital dan fizikal, sediakan ruang masjid untuk kenduri kesyukuran agar mampu tampung satu-satu majlis.

"Mungkin boleh adakan juga kelas tahfiz dan pusat sehenti musafir selain hasrat membangunkan *Islamic Garden* untuk tarik lebih ramai kedatangan pelancong," katanya menutup bicara.



**UKIRAN duit syiling yang memaparkan pengaruh Cina dalam seni bina masjid tersebut.**



**BUNGA tulip dikatakan adalah seni bina pengaruh daripada Imam Hanafi.**




Oleh: **AZMI HUSSIN**

# Naik taraf lorong belakang jana ekonomi lokal, tarik pelancong

JIKA sebelum ini lorong belakang kerap dianggap sebagai kawasan 'hitam' oleh masyarakat, namun di Pulau Pinang terutamanya dekat bandar raya George Town, persepsi tersebut mula terhakis hasil daripada inisiatif Kerajaan Negeri bersama-sama agensi-agensi berwajib.

Salah satu lorong belakang yang terlibat dengan projek menaik taraf oleh Kerajaan Negeri adalah dekat Lebuh Armenian dengan kos RM125,000 yang kini menjadi tarikan pelancong dari dalam dan luar negara.

Pada 5 Februari lalu, Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan, Nga Kor Ming sempat melawat lorong tersebut ketika melakukan lawatan kerja ke Pulau Pinang.

Justeru, wartawan Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** dan jurugambar, **LAW SUUN TING** sempat mengadakan tinjauan ke kawasan terbabit yang kini telah berubah wajah.



SITI Nur Fatin Baserah dan keluarganya.

**SITI NUR FATIN BASERAH** dari Melaka berpendapat bahawa inisiatif menukar lorong belakang kepada lokasi pelancongan merupakan satu idea yang bernas.

"Kalau kita tengok kawasan ini telah berubah, daripada kawasan yang mungkin tidak ada nilai sebelum ini kepada produk pelancongan khususnya sebagai lokasi bergambar bagi mereka yang datang ke Pulau Pinang.

"Selain itu, inisiatif tersebut juga memberi kesan dari segi peningkatan ekonomi terutamanya bagi peniaga-peniaga kecil di kawasan sekitar," ujarnya yang bertugas sebagai pelukis pelan.

Sementara itu, **MOHD. AMIRUL MOHD. DIN** turut menyokong idea Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan badan berkepentingan lain dalam merealisasikan usaha tersebut.

"Kalau dekat Melaka ada juga projek seperti ini tetapi saya rasa di sini lebih menarik, kalau negeri lain itu saya tidak pasti sangat, mungkin belum jumpa atau belum pernah sampai lagi," jelasnya yang merupakan seorang pembantu kemahiran.



TAN Teik Leong.

Kunjungan orang ramai ke lorong belakang itu turut mengundang reaksi positif oleh **TAN TEIK LEONG** yang merupakan pemilik premis sewaan basikal.

Menurutnya, walaupun beliau lebih cenderung kepada elemen nostalgia, namun apabila kemudahan tersebut dinaik taraf, keadaan dilihat menjadi lebih baik dan membuka peluang ekonomi kepada rakyat tempatan.

"Saya pun ambil kesempatan menghias kedai cantik-cantik sesuai dengan keindahan lorong ini, pelancong pun senang nak jalan-jalan ambil gambar sambil mengayuh basikal, cuma kalau boleh harap para pelancong dapat menjaga kebersihan dan tidak buang sampah merata-rata," serunya.






KEADAAN lorong belakang di Lebuh Armenian yang siap dinaik taraf.



KHOR Leng Leng.

Seorang lagi peniaga, **KHOR LENG LENG** menyatakan bahawa sebelum ini, keadaan di lorong tersebut agak kotor dan menjadi tempat pembiakan nyamuk selain keadaan dilihat kurang selamat.

"Selepas projek naik taraf, lorong ini kelihatan cantik. Pihak MBPP pun selalu datang bersihkan dan mereka tanam pokok, cuma saya harap pihak Majlis dapat sediakan tong sampah di sini untuk memastikan aspek kebersihan dapat dijaga secara berterusan.

"Apabila ramai pengunjung, secara tidak langsung akan meningkatkan jumlah pelanggan yang datang ke kedai saya juga," ulasnya yang menjalankan perniagaan cenderahati.

Menyukai makanan Pulau Pinang mendorong **BK LIAN** untuk menjadikan negeri ini sebagai destinasi pilihan percutian.

Beliau berkata, pengindahan lorong belakang merupakan satu langkah bijak dan memberi nilai tambah kepada bandar raya George Town.

"Selepas lorong ini dinaik taraf, ia kelihatan lebih mesra pejalan kaki dan pengguna basikal terutamanya pelancong.



BK Lian.

"Namun apa yang saya harap, pihak Majlis mungkin boleh tambah lampu agar kawasan ini lebih selamat pada waktu malam dan diharapkan projek-projek seperti ini dapat diperbanyakkan lagi," kata pelancong dari Kuala Lumpur itu.

# Berani buat keputusan, hargai kritikan – Mohd. Sayuthi

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**




**MOHD. Sayuthi Bakar.**

**MEMPUNYAI** pengalaman sangat luas dalam kerjaya berkaitan penguatkuasaan mungkin menjadikan Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, **DATO' MOHD. SAYUTHI BAKAR** seorang yang amat mementingkan disiplin dan ketepatan masa.

Pernah bertugas sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) di Kementerian Dalam Negeri (KDN), Timbalan Pengarah Imigresen serta beberapa jawatan tinggi lain, kini beliau diberikan pula tanggungjawab mengemudi pentadbiran negeri Pulau Pinang mulai Disember 2022.

Bercakap kepada Buletin Mutiara sempena wawancara khas baru-baru ini, Mohd. Sayuthi menekankan bahawa sebagai penjawat awam, seseorang itu harus berani membuat keputusan demi menambah baik penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

Namun kata beliau, setiap keputusan yang dibuat haruslah berdasarkan pertimbangan-pertimbangan tertentu mengikut bidang kuasa yang diperuntukan kepada seseorang penjawat awam.

"Dalam kita membuat keputusan, tidak semestinya keputusan yang kita buat itu betul tetapi ia secara tidak langsung menjadi betul semasa kita membuat keputusan.

"Meskipun ada sanggahan atau bantahan daripada sesetengah pihak terhadap keputusan yang kita buat tetapi itulah keputusan terbaik yang perlu dibuat pada waktu itu," katanya ketika ditemui di pejabat beliau dekat Komtar baru-baru ini.

Menurut Mohd. Sayuthi, sekiranya seseorang penjawat awam tidak berani membuat keputusan maka sesuatu proses kerja menjadi lambat dan perkara itu akan menjejaskan perkhidmatan kepada pelanggan (rakyat).

"Sekarang kita ada pelbagai panduan yang mana ia (panduan) yang akan memandu kita dalam membuat keputusan.

"Apabila kita berani membuat keputusan menggunakan panduan-panduan yang ada, maka tidak akan timbul isu-isu berbangkit.

"Ini kerana setiap penjawat awam ada kuasa yang diperuntukan kepada mereka untuk membuat keputusan dalam ruang lingkup jawatan yang disandang.

"Kalau seseorang penjawat awam itu tahu peranan dan bidang kuasa masing-masing, sudah pasti mereka mampu membuat keputusan walau sekecil manapun keputusan yang perlu dibuat itu," tegasnya.

Sebagai agensi kerajaan, Mohd. Sayuthi menyatakan bahawa penyampaian perkhidmatan yang baik kepada rakyat adalah amat penting.

"Kita mahu penyampaian perkhidmatan menjadi cepat dan mudah kerana kita tidak mahu pelanggan yang datang berurusan di kaunter-kaunter agensi kerajaan pulang dengan perasaan kecewa," ujarnya.

### Kritikan adalah hadiah terbaik

Selain itu, Mohd. Sayuti memberitahu bahawa seseorang penjawat awam juga perlu berani menerima kritikan untuk memperbaiki kelemahan sama ada pada diri sendiri, organisasi, jabatan atau negeri.

"Kritikan adalah sesuatu yang sangat berharga. Kita perlu melihat kritikan dari sudut positif kerana tanpa kritikan, kita tidak tahu apa yang orang ramai tidak berpuas hati terhadap perkhidmatan yang kita berikan.

"Kritikan juga boleh menjadi pencetus kepada penjawat awam untuk berfikir mengenai cara untuk menyelesaikan masalah yang dibangkitkan itu.

"Ini yang kita namakan sebagai inovasi pemikiran yang mana kita kena mengenal pasti masalah daripada kritikan diterima, dan barulah kita boleh memilih penyelesaian mana yang paling memberikan impak positif kepada pelanggan kita.

"Apa yang penting adalah kita perlu akui bahawa kita ini tidak sempurna, jadi barulah kita mampu menerima kritikan serta melakukan penambahbaikan," katanya yang merupakan pemegang Sarjana Teknologi Maklumat dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan memiliki Ijazah dalam Pengajian Asia Tenggara, Universiti Malaya.

Malah, beliau turut menekankan mengenai kepentingan untuk seseorang itu belajar daripada pengalaman orang lain.

"Kita perlu tahu bagaimana sesuatu organisasi itu berfungsi dan perkara ini boleh dipelajari daripada mereka yang lebih senior walaupun mungkin jawatan dia ketika itu lebih rendah daripada kita.

"Apa yang lebih penting, sebagai penjawat awam kita perlu mengikuti perkembangan semasa dan sentiasa melakukan yang terbaik untuk menambah baik perkhidmatan kita kepada pelanggan.

"Kita berada di sini untuk menyediakan perkhidmatan kepada orang ramai, dan itu adalah tugas serta tanggungjawab hakiki kita.

"Oleh itu, kita mesti mengekalkan dua strategi utama dalam apa jua yang kita lakukan iaitu harus pantas dan tepat," ulasnya lanjut.

Namun, Mohd. Sayuthi memberitahu bahawa walaupun kepantasan adalah sangat penting tetapi tidak boleh sehingga menjejaskan aspek ketepatan.

"Kepantasan dan ketepatan perlu seiring kerana tidak guna kita membuat keputusan yang cepat tetapi akhirnya tidak memberi manfaat kepada rakyat," katanya yang merupakan anak ketiga daripada empat adik-beradik.

### Pengalaman di PBT

Sebelum menjadi Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Mohd. Sayuthi pernah berkhidmat sebagai Datuk Bandar Majlis Bandaraya Petaling Jaya dan beberapa pihak berkuasa tempatan (PBT) lain termasuk Sepang dan Kajang di Selangor.

"Masa paling panjang saya berkhidmat adalah dalam PBT dan mungkin ini menjadi faktor mengapa saya lebih mudah menyesuaikan diri dengan jawatan yang disandang sekarang.

"Apa yang saya perlukan ketika ini adalah masa untuk menyesuaikan diri dengan isu tempatan di Pulau Pinang kerana setiap negeri mempunyai isu yang berbeza-beza walaupun skop kerja hampir sama.

"Namun, setakat ini saya tidak berdepan sebarang masalah kerana saya boleh menggunakan kemahiran yang ada semasa menguruskan PBT di Selangor untuk menyelesaikan permasalahan yang ada di sini," ulasnya.

Mengambil kira faktor tersebut, Mohd. Sayuthi berkata bahawa beliau kini cuba membawa pendekatan yang mana perkhidmatan yang diberikan oleh agensi kerajaan harus melangkaui jangkaan pelanggan.

"Pendekatan ini bagi saya sesuai untuk diguna pakai pada peringkat negeri kerana kebanyakan pelanggan kita adalah pembayar cukai yang menjadi sumber pendapatan terutamanya pada peringkat PBT.

"Oleh itu, kita perlu menganggap pembayar-pembayar cukai ini sebagai pelanggan setia dan memberikan perkhidmatan terbaik kepada mereka secara berterusan," katanya.

Ditanya sama ada pengalaman yang ada pada diri beliau dapat membantu mencapai Visi Penang2030, Mohd. Sayuthi menegaskan bahawa semua penjawat awam mempunyai tanggungjawab untuk memahami visi yang telah digariskan oleh Kerajaan Negeri.

"Peranan penjawat awam itu sangat jelas dan apa yang penting adalah bagaimana kita boleh membantu supaya semua visi yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri dapat dicapai," ujarnya menutup bicara.

**TUGAS** yang dipikul sebagai kurator di Jabatan Botani Pulau Pinang bukanlah mudah apatah lagi apabila Taman Botani amat dikenali sebagai tempat rekreasi dan bersiar-siar baik oleh pengunjung tempatan mahupun luar negara.

Dilantik memikul tanggungjawab itu pada 7 November 2022, **DR. WAN NORILANI WAN ISMAIL** menyifatkan tugasan baharu itu adalah paling mencabar dalam perjalanan kariernya.

Manakan tidak, 'kerusi' yang ditinggalkan mantan kurator sebelum ini, Dato' Dr. Saw Leng Guan sememangnya sudah terkenal serta pakar dalam bidang botani dan hortikultur.



DR. Wan Norilani Wan Ismail merakam gambar di plak utama Taman Botani Pulau Pinang.

# Kembalikan tarikan asal Taman Botani - Dr. Wan Norilani

Baru-baru ini, wartawan Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** bersama-sama jurugambar, **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI** berkesempatan mendekati insan berkenaan.

Berkelulusan Sarjana dalam bidang Biodiversiti dan Konservasi dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Wan Norilani kini telah menghabiskan pengajian dalam bidang ekologi.

"Saya lapor diri sebagai kurator di Jabatan Botani ini selepas menghabiskan program kajian dalam bidang ekologi pengkhususan sistem paya bakau.

"Sebelum ini, saya memang banyak menghabiskan masa dalam biodiversiti dan konservasi, malah lebih *15 multidisciplinary biodiversity, agriculture and landscape*," ujar anak kelahiran Pasir Mas, Kelantan itu membuka bicara.

Walaupun masih baru, Wan Norilani yakin bahawa beliau mampu memberikan fokus terutama melibatkan Rancangan Kawasan Khas (RKK) Taman Botani, yang diwartakan pada tahun 2019, dan juga spesies-spesies tumbuhan yang terdapat di Taman Botani Pulau Pinang.

"Saya juga akan dapatkan kerjasama daripada pasukan landskap serta pasukan *research and development* (R&D) dalam membangunkan kawasan Taman Botani tanpa merosakkan apa-apa hidupan di sini, ia adalah proses serampang dua mata.

"Saya perlu tahu lebih mendalam mengenai situasi di sini (Taman Botani) termasuk melihat pelbagai isu pengurusan landskap, pembangunan taman serta pengurusan vandalisme," katanya yang juga kagum melihat warga negeri ini begitu prihatin tentang khazanah Taman Botani.

"Saya suka dengan orang *Penang*, semangat mereka sayangkan Taman Botani itu lain sikit, mungkin ada semangat sentimental yang tinggi terhadap taman ini.

"Kesedaran mengenai alam sekitar penduduk di sini (Pulau Pinang) lebih tinggi berbanding di negeri-negeri lain.

"Di sesetengah negeri itu, kalau Taman Botani ada aktiviti yang *trending* macam tapak perkhemahan, baru ramai orang datang, tapi di Pulau Pinang, hari-hari orang sangat ramai berkunjung ke sini dan kadang-kadang parkir pun menjadi isu," ceritanya yang teruja dengan semangat cintakan khazanah alam sekitar dalam kalangan rakyat negeri ini.

## Pengalaman 'interaksi' dengan hutan

Sebelum ini, Wan Norilani lebih banyak 'berinteraksi' dengan hutan untuk mengumpul spesimen serta bahan kajian.

"Kadang-kadang itu perlu tinggal dalam hutan termasuk hutan balak selama dua minggu untuk kumpul spesimen.

"Terserempak dengan binatang liar seperti harimau dan gajah memang ada.

"Ada sekali itu, kumpulan saya turun untuk mandi sungai di Taman Negara, selepas diamati, rupanya ada kesan tapak kaki binatang yang masih baru.


SUDUT orchidarium yang dalam proses perancangan untuk 'dikembalikan'.

"Rupa-rupanya harimau dan gajah juga turut turun ke sungai yang sama untuk minum," jelasnya yang mengimbau kembali pengalaman di hutan.

Walau bagaimanapun, Wan Norilani memberitahu bahawa bidang yang diceburi beliau sememangnya mencabar ketahanan mental dan fizikal.

"Apatah lagi apabila terpaksa duduk lama di kawasan-kawasan sunyi seperti di paya bakau yang mana berlakunya air pasang surut, ditambah ancaman buaya yang mungkin menjadi 'penghuni' di situ," katanya.


KOLAM lili yang turut menjadi tarikan pengunjung.

## Sambut baik projek kereta kabel

Menyentuh mengenai cadangan projek kereta kabel yang menghubungkan Taman Botani ke puncak Bukit Bendera, Wan Norilani menyambut baik cadangan tersebut.

"Saya berpendapat bahawa projek berkenaan mampu memberi nilai tambah kepada Taman Botani.

"Memang diakui, ramai yang maklum akan kesan pembangunan tersebut, tetapi pada pandangan saya ia sangat minimum.

"Lagipun, projek tersebut melibatkan pembangunan parkir bertingkat yang sebenarnya akan menyelesaikan masalah parkir pengunjung terutama pada hujung minggu," ulasnya lanjut.

## Perancangan masa depan

Menurut Wan Nurilani, beliau bekerjasama rapat dengan Pengarah Jabatan Botani Pulau Pinang, Nur Syazwani Ismail untuk perancangan masa depan Taman Botani.

"Jabatan Botani ada mencadangkan untuk mengembalikan semula tarikan asal di Taman Botani seperti *herbarium*, *orchidarium* dan tarikan-tarikan lain kepada pengunjung.

*(Sambungan di muka 7).*

SINARAN RESIDENCES

# HIDUP PENUH BERGAYA!

Miliki kediaman idaman di Utropolis Batu Kawan.

**DISKAUN 5% UNTUK BUMIPUTERA**






- Separa lengkap dengan perabot serta aplikasi rumah pintar.
- Gaya hidup mewah dengan 50 jenis kemudahan rekreasi ala moden.
- Berdekatan dengan Kawasan Perindustrian Batu Kawan, IKEA dan Design Village Outlet Mall.

**Unit terhad. Unit pameran dibuka untuk kunjungan!**
Hubungi kami atau kunjungi Galeri Paramount Property @ Utropolis Batu Kawan hari ini.

ParamountPropertyMalaysia paramountpropertymy Paramount Property Malaysia

**Paramount Property (PW) Sdn Bhd** (1057143-D)
G-01, Utropolis Utama, Persiaran Cassia Barat 3, 14110 Bandar Cassia,
Pulau Pinang, Malaysia.

**012 501 0733**
**paramountproperty.my**

Jenis Pegangan: Pajakan 99 tahun (tempoh berakhir: 14/11/2115) • No. Lesen Pemaju: 14638/02-2028/0141(R) • Tempoh Sah: 08/02/2023 – 07/02/2028 • Permit Iklan & Jualan: 14638-3/11-2023/0614(R)-(S) • Tempoh Sah: 30/11/2022 –29/11/2023 • Pihak Berkuasa Yang Meluluskan: Majlis Bandaraya Seberang Perai • No. Rujukan Pelan Bangunan: MBSP/40/20-73/76(CP)(14) • Bebanan Tanah: Gadaian (CIMB Islamic Bank Berhad)• Tarikh Dijangka Siap: Jun 2024 • Sekatan Kepentingan: Tanah yang diberimilik ini tidak boleh dipindahmilik, cagar, pajak atau pajakan kecil, tenansi disewakan atau dengan apa-apa urusan sekali pun diuruskan tanpa kebenaran bertulis dari Pihak Berkuasa Negeri. • Jenis Hartanah: Pangsapuri Servis • Jumlah Unit: 964 • Jenis A, Jumlah Unit: 58, Luas Binaan: 667 kps, Harga Minima: RM500,250, Harga Maksima: RM538,200 • Jenis A1, Jumlah Unit: 60, Luas Binaan: 678 kps, Harga Minima : RM508,300, Harga Maksima : RM545,100 • Jenis B1, Jumlah Unit: 363, Luas Binaan: 883 kps, Harga Minima: RM549,700, Harga Maksima: RM621,000 • Jenis B2, Jumlah Unit: 192, Luas Binaan: 883 kps, Harga Minima: RM568,100, Harga Maksima: RM610,650 • Jenis C, Jumlah Unit: 141, Luas Binaan: 1,044 kps, Harga Minima: RM661,250, Harga Maksima: RM753,250 • Jenis C1, Jumlah Unit: 144, Luas Binaan: 1,044 kps, Harga Minima: RM681,950, Harga Maksima: RM768,200 • Jenis D, Jumlah Unit: 6, Luas Binaan: 1,518 kps, Harga Minima: RM798,100, Harga Maksima: RM809,600 • Diskaun Untuk Bumiputera: 5% • IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA

PARAMOUNT UTROPOLIS BATU KAWAN, PENANG

PARAMOUNT PROPERTY The People's Developer™

# Pameran taksidermi mergastua diharap tarik penyertaan masyarakat

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**GEORGE TOWN -** Pameran berkaitan hasil seni atau kaedah mengawet binatang dan burung telah mati secara semula jadi sehingga ia kelihatan seolah-olah masih hidup dianjurkan sekali lagi selepas 54 tahun di Balai Seni Lukis Negeri Pulau Pinang (BSLNPP).

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow semasa menyampaikan ucapan perasmian antara lain berkata bahawa pihaknya berharap pameran taksidermi mergastua tersebut akan menjadi perintis serta pelopor kepada pihak muzium untuk mengadakan pameran seumpama itu pada masa akan datang.

"Saya berharap agar pameran ini dapat menjadi pelopor atau perintis kepada muzium dan balai seni ini untuk terus melipat gandakan usaha agar pameran-pameran sebegini akan diteruskan pada masa-masa yang akan datang," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Batu Kawan dalam majlis berkaitan di sini pada 28 Januari 2023.

Di samping itu, Kon Yeow yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi menyatakan bahawa Kerajaan Negeri hari ini turut berharap pameran taksidermi tersebut turut mampu menarik penyertaan dan penglibatan pelbagai lapisan masyarakat.

Dalam perkembangan berkaitan, Kon Yeow memberitahu bahawa Pulau Pinang juga mempunyai *'Penang Women'* iaitu rangka manusia berusia lebih 5,000 tahun yang ditemukan oleh ahli arkeologi di tapak penyelidikan Guar Kepah, Kepala Batas pada 19 April 2017.



**PELAWAT-pelawat cilik merakam gambar kenangan bersama-sama Ketua Menteri dan Yeoh Soon Hin (barisan belakang, dua dari kiri) seusai Majlis Perasmian Pameran Taksidermi Mergastua di sini baru-baru ini.**



**BEBERAPA pengunjung meneliti bahan-bahan pameran yang dipamerkan.**

Mengulas lanjut, beliau berkata *'Penang Women'* dikonservasi di negara Belanda, dan Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif, Yeoh Soon Hin sedang berusaha membawa pulang rangka manusia purba itu ke negeri Pulau Pinang.

"Saudara Yeoh Soon Hin sedang berusaha untuk suatu visi yang penting (iaitu) perbincangan untuk membawa balik rangka *'Penang Women'* berusia lebih daripada 5,000 tahun, dari negara Belanda," ujarnya.

Selain Soon Hin, Pengarah Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang, Haryany Mohamad turut berucap pada majlis perasmian pameran taksidermi mergastua tersebut. Hadir sama, pelakon, pelawak, pengacara, penyanyi dan kartunis lagenda, A. Rahim Muda atau lebih dikenali sebagai Imuda.

*(Sambungan di muka 5).*

# Tingkatkan kesedaran umum

"Rumah-rumah hijau pun nak dibuka semula yang mana kini dalam proses pembaikan lantai yang rosak.

"Pihak Botani sasar untuk buat tarikan semula dengan mini landskap sama seperti landskap semula jadi biasa tetapi bersaiz mini," katanya yang mahu Taman Botani Pulau Pinang kembali menjadi tumpuan pencinta alam semula jadi.

Dalam pada itu, beliau turut berharap Pulau Pinang mampu mengikut jejak langkah Singapura dalam memelihara tumbuh-tumbuhan serta kawasan hijau.

"Sebenarnya, tidak keterlaluan sekiranya saya cakap kekayaan mereka dari segi kawasan hijau, lebih baik daripada kita (mengikut nisbah), mereka pelihara paya bakau dengan lebih baik.

"Hal ini kerana mereka sedar betapa pentingnya paya bakau kepada ekosistem yang bertindak sebagai zon penampan, dan saya pasti Pulau Pinang mampu melakukan perkara serupa.

### Harapan

Mengulas mengenai harapannya, Wan Norilani berharap Taman Botani Pulau Pinang akan terus memainkan peranannya sebagai 'paru-paru hijau' kepada masyarakat.

"Kesedaran umum perlu ditingkatkan supaya masyarakat terdidik dengan kepentingan dan fungsi ekosistem di Taman Botani.

"Bagi kami, penambahbaikan dari segi perkhidmatan juga perlu ditingkatkan lagi terutama dalam menangani aduan daripada pengunjung," ujarnya yang mahu meneruskan peranan untuk mengekalkan keseimbangan alam sekitar dan hidupan yang ada.

# Fasa pemulihan pelancongan lancar

**GEORGE TOWN -** Pulau Pinang akan terus mengukuhkan kedudukannya sebagai salah satu destinasi pelancongan pilihan utama susulan pertambahan pernerbangan terus antarabangsa dan peningkatan ketibaan penumpang di negeri ini.

Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif, Yeoh Soon Hin berkata, jumlah penerbangan terus antarabangsa bertambah daripada 10 penerbangan mingguan pada November 2021 kepada 184 penerbangan mingguan pada Disember tahun lepas, peningkatan sebanyak 1,740 peratus.

"Ketibaan penumpang antarabangsa juga meningkat daripada 7,367 orang pada tahun 2021 kepada 629,476 orang tahun lalu, menjadikan peningkatan ketara sebanyak 8,445 peratus.

"Jumlah pergerakan penumpang di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA) bagi kedua-dua pelepasan dan ketibaan penumpang domestik dan antarabangsa juga meningkat sebanyak 681 peratus tahun lepas berbanding tahun sebelumnya (2021).

"Jumlah pergerakan penumpang tahun lalu seramai 4,242,997 orang berbanding 543,519 (orang) pada 2021," ujarnya pada sidang media di sini 8 Februari lalu.

Mengulas lanjut, Soon Hin memaklumkan bahawa jumlah pergerakan penumpang di PIA tahun lalu mencecah 4,242,997 penumpang berikutan kadar pemulihan amat memuaskan jika dibandingkan angka semasa dengan tahun sebelum pandemik COVID-19.

"Tahun 2019, jumlah pergerakan penumpang seramai 8,331,048 (penumpang) menjadikan kadar peratusan pemulihan apabila sempadan dibuka semula sembilan bulan lalu adalah 50.93 peratus,

"Bagi kekerapan penerbangan juga menunjukkan kadar pemulihan yang positif 64.34 peratus yang mana pada Disember 2022, sejumlah 184 penerbangan antarabangsa dicatatkan berbanding 286 penerbangan) pada Julai 2019.

"Angka-angka ini semua adalah bukti usaha dan komitmen berterusan Kerajaan Negeri dan pemegang taruh yang mana fasa pemulihan berjalan dengan lancar dan pantas walaupun kebanyakan negara di Asia hanya membuka sempadan mereka pada suku keempat tahun lalu," jelasnya.

Bercakap mengenai pengumuman Republik Rakyat China membuka semula sempadan antarabangsanya, Soon Hin memberitahu bahawa Pulau Pinang mengalu-alukan kemasukan pelancong untuk kembali ke negeri ini dan menikmati hasil komitmen berterusan dalam mempromosikan pelancongan di sini walaupun berdepan cabaran akibat pandemik.

"Kita (Pulau Pinang) mengalu-alukan penerbangan terus pertama dari Guangzhou (China) ke sini pada 1 Mac dan menantikan lebih banyak penerbangan terus masuk ke negeri ini tahun ini.

"Kerajaan Negeri akan terus meningkatkan kedudukan Pulau Pinang sebagai destinasi terkenal dunia dan membanggakan rakyatnya," katanya sambil menzahirkan penghargaan kepada syarikat penerbangan, pengusaha hotel, agensi pelancongan, persatuan industri pelancongan, Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan serta pihak berkepentingan dalam industri berkaitan.

# PERTUKANGAN BESI



**PERTUKANGAN** besi di Pekan Darat dekat Teluk Air Tawar sememangnya unik kerana semua pengusaha mewarisi kepandaian dan ilmu pertukangan tersebut secara warisan turun-temurun daripada keluarga masing-masing.

**MOHD. ZURIADI YAHYA**, 44, merupakan salah seorang tukang besi atau pandai besi yang masih meneruskan perniagaan tersebut yang diwarisi daripada ayahnya, Yahya Saad sejak tahun 1995 di Bengkel Pandai Besi Pekan Darat.

Baru-baru ini, wartawan Buletin Mutiara, **SUNARTI YUSOFF** dan jurugambar, **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR** berkesempatan menemu bual beliau untuk memahami dengan lebih mendalam mengenai perusahaan warisan tersebut yang turut mendapat Anugerah Cemerlang Warisan 100 Tahun Pulau Pinang daripada Kerajaan Negeri.

## Salasilah

Menurut Mohd. Zuriadi, sejarah perusahaan pembuatan pelbagai peralatan daripada besi telah dimulakan sejak 1841 oleh penduduk-penduduk di Pekan Darat Seberang Perai Utara (SPU) termasuk nenek moyangnya.

"Ketika itu, Seberang Perai masih merupakan wilayah di bawah Kesultanan Kedah yang mana tukang-tukang besi di Pekan Darat ditugaskan untuk membuat senjata seperti peluru meriam sebagai peralatan kelengkapan perang.

"Boleh dikatakan bahawa tukang-tukang besi di Pekan Darat berperanan menyediakan peralatan senjata berasaskan besi semasa Peperangan Siam Kedah 1821 hingga1842.

"Setelah perang tamat, tukang-tukang besi di sini masih meneruskan perusahaan mereka tetapi mula beralih menghasilkan peralatan untuk pertanian memandangkan Seberang Perai mula beralih kepada aktiviti pertanian.

"Memandangkan banyak tanah-tanah sawah mula dibuka di Seberang Perai khususnya di SPU pada waktu itu secara tidak langsung telah meningkatkan permintaan terhadap peralatan berasaskan besi seperti parang, cangkul, pisau, tajak, sisir kacip dan sebagainya.

"Pembuatan senjata seperti keris, pedang dan sebagainya masih lagi diusahakan tetapi mengikut permintaan oleh para pelanggan sahaja," katanya memulakan bicara.

Mohd. Zuriadi berkata, kebanyakan pandai besi di Pekan Darat mengusahakan perusahaan tersebut secara berpusat di beberapa buah bengkel yang didirikan di atas tapak milik Majlis Amanah Rakyat (MARA).

"Kini MARA telah serahkan tanah ini kepada Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) dan masih dikhususkan untuk menempatkan perusahaan besi tanpa dikenakan sebarang bayaran sewa.

"Dulu terdapat kira-kira 40 tukang besi yang menjalankan perusahaan di sini (Pekan Darat), namun kini jumlahnya semakin berkurang dan hanya tinggal empat orang yang masih meneruskan perniagaan warisan ini.



KACIP pinang yang dihasilkan sejak dari zaman nenek moyang.

"Keadaan ini didorong oleh faktor perusahaan yang semakin merosot kerana permintaan terhadap peralatan besi semakin menurun ekoran arus pemodenan yang mana bidang pertanian kini banyak menggunakan jentera-jentera moden.

"Sekarang, hanya produk tertentu sahaja seperti pisau, parang menebas, pisau toreh getah dan kacip antara yang masih mendapat permintaan tinggi terutamanya oleh pelanggan-pelanggan dari Baling, Sik, Pendang dan beberapa lagi daerah di negeri Kedah," jelasnya.

## Produk utama

Bercerita lanjut, Mohd. Zuriadi yang merupakan generasi ketujuh daripada salasilah keluarganya menyatakan bahawa beliau masih meneruskan warisan pandai besi dengan menghasilkan dua produk utama iaitu pisau toreh getah dan kacip pinang.

Menurut beliau, kedua-dua produk berasaskan besi tersebut diusahakan sejak zaman datuknya lagi yang mana pada ketika itu golongan petani mula beralih kepada sektor pertanian.

"Sejak dari mula ambil alih perniagaan ini semasa berumur 16 tahun, peralatan seperti pisau toreh getah dan kacip pinang memang sentiasa ada permintaan terutamanya dari Kedah dan Perak.

"Kacip pinang contohnya, sebulan minimum saya menerima tempahan adalah sebanyak 400 bilah kerana saya difahamkan ada pemborong yang mengeksport peralatan ini sehingga ke Vietnam.

"Memandangkan ketika ini saya berdepan masalah kekurangan pekerja ekoran kurangnya minat dalam kalangan orang muda, saya hanya mengambil tempahan daripada pelanggan yang memesan dalam kuantiti yang banyak sahaja.

"Tambahan pula, penghasilan kacip pinang adalah sedikit rumit terutamanya untuk menghasilkan bahagian mata kerana perlu menggunakan besi mentah yang sangat keras.

"Bekalan besi mentah ini biasanya saya diperoleh daripada kedai besi sekitar sini dan ia kemudian diketuk mengikut bentuk yang diperlukan," kata Zuriadi yang mewarisi ilmu pertukangan besi daripada arwah ayahnya.

Difahamkan, untuk menghasilkan seunit kacip pinang mengambil masa kira-kira 30 minit dan perlu melalui beberapa proses terutamanya bagi bahagian mata kacip tersebut.

Proses pembuatan bahagian mata kacip pinang dimulakan dengan kerja menempa yang mana besi mentah akan dibakar di atas api melebihi suhu 1,000 darjah Celsius selama kira-kira dua minit.

Kemudiannya, mata kacip pinang akan dibentuk menggunakan mesin ketuk besi serta kaedah manual (tukul besi) dan proses tersebut perlu diulang sebanyak 12 kali sebelum kacip pinang sempurna dapat dihasilkan.



JENIS besi yang digunakan untuk menghasilkan mata kacip.

Bagi pisau toreh getah pula menurut Zuriadi, walaupun kos seunit lebih rendah berbanding kacip pinang, namun proses pembuatannya memerlukan ketelitian terutamanya pada bahagian mata pisau.

"Saya gunakan dua jenis besi untuk hasilkan pisau toreh getah iaitu besi biasa untuk bahagian badan pisau manakala besi 'baja' iaitu besi yang mengandungi karbon tinggi di bahagian mata pisau bagi memastikan ia keras serta tahan lasak.

"Kos menghasilkan sebilah pisau getah juga adalah lebih murah dan proses penghasilannya lebih cepat berbanding kacip… jadi satu hari saya mampu hasilkan sebanyak 60 bilah.

# PEKAN DARAT
## perusahaan warisan terun-temurun



PISAU toreh getah yang dihasilkan.




MOHD. Zuriadi Yahya menunjukkan sijil Anugerah Cemerlang Warisan 100 Tahun yang diterima daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang baru-baru ini.

"Oleh itu, setiap bulan saya mampu hasilkan minimum 1,200 bilah pisau toreh getah," katanya sambil menambah bahawa sebilah pisau toreh getah dijual pada harga antara RM9 hingga RM11 seunit mengikut saiz.

### Cabaran

Cabaran dalam perniagaan pembuatan besi adalah untuk memenuhi permintaan pelanggan kerana setiap bulan berlaku permintaan melebihi penawaran terutamanya apabila musim harga getah meningkat.

Namun Mohd. Zuriadi menyatakan bahawa pengeluaran pisau toreh getah sukar untuk ditingkatkan kerana kekurangan tenaga kerja selain peralatan yang digunakan masih secara tradisional.

"Sekarang sudah tidak ramai orang yang berminat untuk bekerja dalam bidang ini terutamanya golongan muda… mungkin disebabkan kerja ini memerlukan mereka bekerja dalam suasana kotor dan panas.

"Sebelum ini, ada juga pelajar-pelajar dari institusi kemahiran dihantar ke sini untuk menjalani latihan tetapi selepas berlaku beberapa insiden yang tidak diingini membabitkan aspek keselamatan, kita sudah hentikan pengambilan pelatih sampai sekarang," jelasnya.

Ditanya mengapa beliau masih berminat meneruskan perniagaan warisan tersebut, Mohd. Zuriadi memberitahu bahawa pekerjaan tukang besi tidak memberikan sebarang tekanan selain bebas menentukan sendiri masa untuk menjalankan aktiviti perniagaan.



MESIN ketuk besi yang digunakan.



PROSES menempa besi untuk menghasilkan kacip pinang.

"Keduanya, saya mahu mengekalkan perniagaan keluarga yang dijalankan sejak zaman nenek moyang dan kalau boleh saya tidak mahu warisan ini dilupakan begitu sahaja.

"Masalahnya, buat masa sekarang saya masih tidak nampak kecenderungan anak-anak terhadap pertukangan besi tetapi kalau boleh saya mahu mereka mewarisi perniagaan ini pada masa akan datang," ujarnya yang merupakan ayah kepada tiga cahaya mata.

